

Dr. Mahathir rasmi InventQjaya 11 Okt.

UM 25 SEP 2003

KUALA LUMPUR 24 Sept. — Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan melancarkan InventQjaya (IQJ), sebuah makmal Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) seluas 28,000 meter persegi di Cyberjaya pada 11 Oktober ini.

Sebagai sebuah usaha sama antara kerajaan, dengan Reveo yang berpangkalan di Amerika Syarikat, makmal sains terkini yang berorientasikan ciptaan dibiayai khas bagi membantu memastikan kejayaan Wawasan 2020 negara.

Salah satu matlamatnya adalah menggalakkan para saintis Malaysia yang bekerja di luar negara untuk pulang dan menyertai IQJ dalam misinya untuk menjadikan rakyat Malaysia sebagai pencipta terkenal di samping mengekalkan nilai-nilai tempatan.

IQJ merupakan lanjutan daripada Makmal cepat-siap IQJ yang dilancarkan Dr Mahathir dan Reveo pada bulan Januari tahun ini, yang bertujuan menunjukkan kemampuan dan kredibiliti Reveo bagi pembinaan kemudahan tetapnya.

“Apabila Perdana Menteri kembali ke Makmal *Fast Track* pada 22 Jun, projek berkenaan telah mencapai apa yang ditetapkan kepadanya, menghasilkan lebih daripada komited,” kata Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif Reveo, Dr. Sadeg Mustafa Faris dalam satu kenyataan hari ini.